UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
*The National University of Malaysia*

JABATAN BENDAHARI • *BURSAR'S DEPARTMENT*

Rujukan : UKM BEN 100-1/3/3
Tarikh : 4 Mac 2020

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 6/2020**

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**KADAR ELAUN PERJALANAN KENDERAAN BAGI MENJALANKAN TUGAS RASMI**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan penguatkuasaan Pekeliling Perbendaharaan WP1.4 Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera Dan Polis) pada 1 Januari 2020 dan kelulusan mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan UKM Bil. 1/2020 pada 13 Februari 2020, Universiti telah bersetuju untuk menerima pakai kadar yang telah ditetapkan melalui pekeliling tersebut.

3. Penambahbaikan kadar yang dinyatakan melalui pekeliling tersebut melibatkan perkara berikut;

i. Kenaikan kadar elaun antara 10 sen sehingga 15 sen bagi setiap kilometer;
ii. Pengurangan julat jarak perjalananandaripada empat (4) kepada dua (2) sahaja; dan
iii. Kadar ini dikategorikan mengikut jenis kenderaan iaitu kereta dan motorsikal.

Sehubungan dengan itu, kadar baru bagi elaun perjalanan kenderaan menjalankan tugas rasmi yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut;

| Jarak perjalanan bertugas rasmi bagi tiap-tiap satu bulan (km) | Kadar mengikut jenis kenderaan (sen/km) | |
|---|---|---|
| | Kereta | Motosikal |
| 500 km pertama | 85 | 55 |
| 501 km dan seterusnya | 75 | 45 |

4. Pekeliling ini berkuat kuasa bermula **1 Mac 2020** dan hendaklah dibaca bersama-sama Pekeliling Perbendaharaan WP1.4 seperti yang telah dinyatakan.

Sukacita sekiranya Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat mengambil tindakan menyampaikan perkara ini kepada semua kakitangan Fakulti/Institut/Pusat/Bahagian/Unit Y.Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Sekian, terima kasih.

***"Akauntabiliti Pegangan Kita"***

Yang benar,

**NORINI MOHAMAD**
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

s.k
- Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
- Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat)
- Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)
- Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
- Pendaftar, UKM


JABATAN BENDAHARI
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: http://www.ukm.my/bendahari